

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (11)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 10/10/16

Bismillahirrahmanirrahim.

Seperti yang telah disebutkan dalam artikel sebelum ini, khalifah Rasulullah ﷺ merujuk kepada pemimpin umat Islam setelah baginda wafat. Khalifah Rasulullah ﷺ sering juga disebut sebagai Amirul Mukmineen atau 'pemimpin orang yang beriman', disingkatkan menjadi 'amir'. Setelah kepemimpinan Khulafa' ur Rashidin iaitu Sayyidina Abu Bakar, 'Umar, Othman dan 'Ali, kekhalifahan seterusnya dipegang sambung menyambung oleh Bani Umaiyyah, Bani Abbasiyah dan Khilafah Othmaniyyah, sesekali berlaku juga persaingan khalifah khususnya dari dinasti Fatimiyyah dan Ayyubiyah. Di bawah pernaungan Khalifah, kuasa Islam berhasil melebarkan sayapnya sehingga ke Afrika Utara, Sepanyol, Mesir, sebahagian India dan Alam Melayu.

Para sultan dan raja bagi daulah-daulah Islamiyyah yang tumbuh merata bagai cendawan selepas hari hujan adalah sebagai kerajaan-kerajaan yang bernaung bawah khalifah sebagai mata rantai dari satu sistem yang sunnahnya bermula daripada masa pemerintahan Sayyidina Muawiyah yang merupakan khalifah dan raja sekaligus.

Disebutkan juga bahawa khalifah, sultan dan raja berperanan sebagai pemimpin ummat baik dalam hal urusan negara mahupun urusan agama. Mekanisme pemilihan khalifah, sultan dan raja dilakukan baik dengan wasiat ataupun melalui *Ahlul Halli wal 'Aqdi* yakni para ahli ilmuan (khususnya keagamaan) yang mengerti permasalahan ummat. Sedangkan syarat sah perlantikannya adalah dengan cara 'aqad, iaitu pengakuan penerimaan tugas atas dasar sukarela tanpa paksaan, tekanan mahupun ugutan, serta bai'at yang merupakan perjanjian taat setia antara Khalifah@Sultan@Raja dengan ummat.

Khalifah memimpin sebuah khilafah, iaitu sebuah sistem pemerintahan ummat, dengan menggunakan Islam sebagai ideologi serta undang-undangnya mengacu kepada Al-Quran, Hadith, Ijma' dan Qiyas. Hal yang sama berlaku pada sultan yang memimpin kesultanan ataupun raja yang memimpin kerajaan.

Antara tugas khalifah, sultan atau raja adalah seperti berikut:

- i. Menjaga hal ehwal umat Islam
- ii. Memastikan kedaulatan agama Islam terpelihara
- iii. Memastikan syariat Allah ditegakkan
- iv. Memastikan umat Islam belajar hukum hakam agama
- v. Mengembangkan syiar Islam melalui dakwah dan penaklukan
- vi. Mempertahankan negara Islam dari pencerobohan kuasa kuffar
- vii. Memudahkan dan memberi khidmat kepada jemaah-jemaah haji

- viii. Mengimami solat Jumaat, samada dari diri sendiri, atau melalui wakil
- ix. Menjadi Wali Hakim

Menarik untuk dihuraikan definisi peranan sultan seperti yang digariskan oleh salah seorang pemerintah Sulu di Alam Melayu, iaitu Sultan Jamalul Kiram yang berkerajaan dalam tahun 1901M. Dalam catatan Cesar Adib Majul yang bertajuk *Islam di Filipina*, hlm 479-480, disebutkan bahawa Sultan Sulu telah memperlembagakan tanggungjawab sultan seperti berikut:

1. Sultan merupakan wakil umat Muhammad ﷺ dan raja mutlak bagi wilayah-wilayah yang dimilikinya. Sultan menjadi ketua agama Muhammad ﷺ, dan hukum-hakam Sultan yang adil hendaklah ditaati oleh semua rakyat.
2. Sultan mempunyai segala kuasa dalam wilayahnya, tidak seorang pun yang mempunyai hak menentang sultan, kerana taraf sultan adalah tertulis oleh Rasul ﷺ bahawa sultan adalah 'bayangan Tuhan' dalam negeri pemerintahannya.
3. Sultan merupakan tempat untuk mendapatkan keadilan oleh semua rakyatnya serta pedagang-pedagang asing, sultan bertanggungjawab agar keadilan itu dijalankan dengan saksama.
4. Sultan mempunyai hak untuk memberikan kekuasaannya kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak olehnya, biarpun kalau orang itu dari golongan bawahan, jika sifat dan kebolehannya lebih tinggi daripada orang-orang yang berkedudukan tinggi daripada beliau sendiri, dan jika dengan berbuat demikian, menafaat boleh didapati untuk kebaikan negeri. Orang yang seperti itu mempunyai hak untuk menumpukan minat mereka kepada hal ehwal negeri. Oleh yang demikian, sultan boleh berbuat sesuka hatinya, kerana sultan mempunyai kuasa mutlak menurut hukum dan keadilan di dalam negeri-negeri di bawah kesultanannya.
5. Sultan hendaklah menggesa setiap rakyatnya supaya berkelakuan baik dan menghindari dari semua bentuk jenayah, kerana ini telah dinyatakan dalam Firman Tuhan melalui RasulNya : *"Perintahkan supaya melakukan yang benar, melarang melakukan kejahatan, bertindaklah dengan adil walau apa pun yang mungkin berlaku ke atas dirimu; itulah yang mesti dilakukan oleh setiap orang yang bertindak sebagai hakim."*
6. Sultan hendaklah menjadi bapa kepada semua rakyatnya, setiap rakyat hendaklah dipandang saksama pada pertimbangan sultan, sultan tidak boleh beza membeza di antara rakyat atasan dengan yang bawahan; keadilan hendaklah dijalankan tanpa prasangka.
7. Sultan hendaklah bersikap lembut dalam menjatuhkan hukuman keatas rakyatnya kerana ada Firman didalam Al-Quran yang berbunyi: *" Tuhan Maha Pengampun kepada setiap insan."*

8. Sultan tidak boleh terus bertindak berdasarkan nasihat para menterinya sahaja tanpa membuat pertimbangan, kerana tindakan mereka tidaklah sentiasa adil. Terdapat peraturan untuk memandu sultan-sultan yang beragama Islam samada di langit atau di muka bumi ini.
9. Sultan hendaklah menjaga supaya setiap umatnya mengetahui dan fasih dalam soal Agama Islam, undang-undang dan adat. Supaya rakyat sentiasa berdamping dengannya, sultan hendaklah menjadikan dirinya sebagai penyuluh kepada rakyatnya, kerana jika tidak ada penyuluh dalam rumahnya maka penghuni-penghuninya akan berada di dalam kegelapan; demikianlah juga sebuah negeri yang tidak mempunyai orang-orang yang bijaksana.

Selain itu, Sulu yang dimasyur dan diresmikan sebagai sebuah negara Darussalam-Sultan diharapkan memberikan pimpinan dalam perang semasa berjuang di luar Sulu ataupun mempertahankan kerajaan itu daripada pencerobohan penakluk. Sultan juga merupakan ketua agama dan bergelar bayangan Allah di muka bumi *zilul'Lah-fil-ard*. Sultan juga berfungsi sebagai simbol perpaduan dan keutuhan negeri. Datu-Datu yang mungkin menentang sultan sebenarnya hanya menentang kelayakan peribadi sultan tetapi mereka tidak pernah mempersoalkan tentang perlunya sultan apa lagi mengenai kesucian Institusi Kesultanan itu.

Sebagai seorang pemimpin agama, sultan melantik semua petugas-petugas agama dalam kerajaannya termasuklah jawatan yang paling rendah untuk bertugas di masjid. Sultan juga mempunyai hak agar namanya disebut dalam khutbah dengan seruan: *Allah memberikan rahmat kepada baginda dan kerajaannya*.

Wallahu 'alam bissawab. Bersambung ...